

**Muhyiddin Lawat P.Pinang Sabtu Ini Dengan Atur Cara Yang Padat
Bernama
15 September , 2011**

GEORGE TOWN, 15 Sept (Bernama) -- Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin akan membuat lawatan kerja sehari di Pulau Pinang pada Sabtu ini dengan mempunyai acara padat di kawasan Seberang Perai sepanjang hari.

Menurut atur cara yang dikeluarkan Pejabat Badan Perhubungan Umno negeri di sini, beliau dijangka tiba di Lapangan Terbang Tentera Udara diRaja Malaysia (TUDM) di Butterworth pada pagi dan terus mengadakan melawat mesranya ke kawasan parlimen Tasek Gelugor.

Beliau kemudian mengadakan dialog dengan para peniaga di sana sebelum melawat projek landasan kereta api berkembar dan menghadiri majlis Sarapan 1Malaysia di Permatang Berangan, Tasek Gelugor.

Timbalan Perdana Menteri kemudiannya melawat kawasan Parlimen Permatang Pauh bagi menghadiri perjumpaan khas bersama guru-guru agama dan Sekolah Agama Rakyat dari seluruh negeri di Universiti Teknologi MARA.

Pada tengah hari, Muhyiddin akan melawat kawasan parlimen Bukit Mertajam dengan menghadiri majlis Jamuan Raya 1Malaysia di Dataran Perda dan melawat tapak pemindahan mangsa banjir di Kampung Manggis.

Beliau kemudiannya akan melawat kawasan parlimen Nibong Tebal dan menghadiri majlis Jamuan Hari Raya 1Malaysia di Sungai Acheh serta bertemu penduduk di kawasan itu.

Muhyiddin mengakhiri lawatannya dengan melawat kawasan parlimen Batu Kawan bagi menyempurnakan majlis pecah tanah Sekolah Kebangsaan Jenis Tamil di Bukit Tambun dan berucap untuk penduduk di kawasan parlimen itu.

Kecuali parlimen Tasek Gelugor, kesemua kawasan parlimen lain yang dilawati oleh Timbalan Perdana Menteri ini kini diwakili oleh parti-parti pembangkang dan beliau dijangka berlepas pulang ke ibu negara pada lewat petang.

--BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=613773>